

LAMPIRAN A :

Temubual Berstruktur Pandangan Guru

Temubual Berstruktur Respon Guru Mengenai MPK

1. Adakah objektif dinyatakan dengan jelas?
2. Adakah format MPK menarik perhatian pelajar?
3. Adakah isi modul mudah dibaca dan merangsang minat pelajar?
4. Apakah isi pelajaran adalah bertepatan dengan sukanan dan pengalaman pelajar?
5. Adakah kandungan disusun dengan dengan baik?
6. Adakah skima pemarkahan adalah mengikut format SPM?
7. Adakah aktiviti-aktiviti pembelajaran menarik minat?
8. Adakah soalan-soalan ujianpra dan ujian pasca menepati sukanan?
9. Adakah bahasa yang digunakan sesuai dan mudah?
10. Apakah kelemahan yang perlu dibaiki?

LAMPIRAN B :

Borang Penilaian Kesesuaian Modul Pengajaran Kendiri

Borang Penilaian

Kesesuaian Modul Pengajaran Kendiri

Anda telahpun melalui Modul Pengajaran Kendiri. Saya ingin mendapat respon anda terhadap modul ini. Respon anda dapat digunakan untuk keberkesanan modul untuk menjadikannya sebagai salah satu alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Moral.

Dengan sukacita saya meminta kerjasama anda untuk menjawab borang penilaian ini dengan teliti dan ikhlas. Segala maklumat yang diberi oleh anda dirahsiakan dan hanya akan digunakan bagi tujuan akademik. Diharapkan agar anda akan memberi kerjasama dengan menjawab segala pertanyaan secara **IKHLAS** dan **JUJUR** bagi tujuan pendidikan.

Terima kasih kerana sudi menilai modul ini.

Bahagian A : Penilaian Modul

Arahan : Penilaian modul ini adalah dari beberapa aspek. Sila jawab dengan menandakan (✓) dalam kotak-kotak yang berkenaan dengan menggunakan skala 1 hingga 5 yang diberikan nilai seperti berikut :

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Tidak pasti
4. Setuju
5. Sangat setuju

ASPEK PENILAIAN	SKALA				
	1	2	3	4	5
Matlamat dan Objektif					
1.	Modul mempunyai matlamat dan objektif yang jelas.				
2.	Objektif yang dinyatakan tidak dapat diukur				
Kandungan					
3.	Arahan untuk menggunakan bahan-bahan adalah jelas				
4.	Bahan pembelajaran(tajuk-tajuk) dalam modul ini disusun dengan urutan				
5.	Kandungan bersesuaian dengan objektif yang dinyatakan				
6.	Bahan-bahan adalah relevan kepada pelajar				
7.	Bahan pembelajaran menarik untuk dibaca				
8.	Fakta-fakta dalam modul ini bertentangan dengan fakta yang terdapat dalam buku teks				
9.	Penerangan yang diberikan adalah jelas				
10.	Terlalu banyak maklumat disampaikan dalam setiap pelajaran				
11.	Isi kandungan adalah agak sukar difahami				
Struktur dan Organisasi					
12.	Modul ini dipecah kepada unit-unit yang kecil				
13.	Ada urutan yang logik di antara setiap unit.				

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Tiada pasti
4. Setuju
5. Sangat setuju

Latihan dan Aktiviti		1	2	3	4	5
14.	Terdapat arahan yang jelas tentang cara melakukan aktiviti					
15.	Latihan dan aktiviti bermula dengan soalan yang senang dan meningkat kesukarannya					
16.	Aktiviti-aktiviti yang diberikan tidak membantu saya memahami konsep-konsep dengan baik.					
17.	Aktiviti-aktiviti yang diberikan tidak berkaitan dengan objektif pelajaran					
18.	Aktiviti-aktiviti yang diberikan menarik dan mencabar					
19.	Ujian yang disediakan sangat berguna kerana ia membolehkan saya mengetahui sejauh manakah saya telah mencapai objektif-objektif pelajaran.					
Persembahan						
20.	Modul ini menarik					
21.	Persembahan adalah konsisten					
22.	Teks dipecahkan kepada pecahan yang mudah dikendalikan					
23.	Tajuk dan sub-tajuk adalah bersesuaian					
Bahasa						
24.	Bahasa yang digunakan sesuai untuk pelajar semua tahap					
25.	Bahasa yang digunakan mudah difahami					
26.	Nada yang digunakan adalah informal					
27.	Istilah yang sukar tidak diberikan penjelasan					
Sikap						
28.	Saya berasa seronok semasa menggunakan modul ini					
29.	Modul ini membantu saya memahami topik Semangat Bermasyarakat dengan lebih baik					
30.	Saya berasa MPK ini berguna kepada rakan-rakan saya					
31.	Belajar dengan modul telah memberikan kepuasan kepada saya					

Lain-lain komen berhubung Modul Pengajaran Kendiri ini:

Sambung halaman seterusnya.....

Bahagian B : Maklumat Diri

Arahan : Anda diminta bulatkan kenyataan yang berhubung dengan diri anda.

1. Jantina
 - a. Lelaki
 - b. Perempuan
2. Aliran sekolah rendah
 - a. Sekolah Kebangsaan
 - b. Sekolah Cina
 - c. Sekolah Tamil
3. Kaum
 - a. Cina
 - b. India
 - c. Lain-lain

Terima Kasih Atas Kerjasama anda

***** **TAMAT** *****

LAMPIRAN C :

Modul Pengajaran Kendiri

Modul Pengajaran Kewajiban

Pendidikan Moral

Tingkatan Empat

Semangat Bermaisarakat

KANDUNGAN

Tajuk	Halaman
Rasional Modul Pengajaran Kendiri	i
Panduan Pengguna	iii
Matlamat MPK	iv
Objektif MPK	v
Objektif Pembelajaran MPK	vi
Peta Konsep I : Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral	vii
Peta Konsep II : Skop Pendidikan Moral	viii
Modul Pengajaran Kendiri	1
Ujian Pra/ Pasca	54
Jawapan Ujian Pra/Pasca dan Cara Mengira Skor Ujian	62

RASIONAL

Pendidikan Moral merupakan satu mata pelajaran teras yang merupakan kesinambungan dari sekolah rendah dan disambung sehingga Tingkatan Lima. Memandangkan ia hanya diuji di peringkat SPM, para pelajar kurang mengambil berat tentang mata pelajaran ini sehingga mereka sampai ke Tingkatan Empat. Tambahan lagi kebanyakan guru-guru yang mengajar subjek ini di peringkat menengah adalah tidak terlatih dalam subjek ini. Oleh itu pelajar tidak dapat menghayati nilai-nilai moral dengan sepenuhnya. Tambahan lagi pelajar-pelajar Pendidikan Moral terutamanya pelajar Tingkatan Empat menghadapi kesukaran untuk membezakan tiga sub nilai Semangat Bermasyarakat; bermuafakat, kejiran dan peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat. Selain itu pelajar kurang mahir dalam teknik menjawab soalan-soalan Pendidikan Moral terutamanya apabila mereka sampai di peringkat SPM. Modul Pengajaran Kendiri ini diharapkan dapat memberikan satu permulaan untuk memahami nilai moral yang terakhir iaitu Semangat Bermasyarakat dan mengetahui perbezaan di antara setiap sub nilai dan seterusnya melatih mereka mendalami teknik menjawab soalan. Ini diharapkan akan dapat menjadi asas untuk mereka mendalami nilai-nilai moral yang lain dan seterusnya mempraktikkan nilai-nilai tersebut di dalam kehidupan seharian mereka.

Modul Pengajaran Kendiri (MPK) ini dirancang dengan tujuan menjadikan pembelajaran Pendidikan Moral lebih menarik dan mencabar, memberi pelajar peluang melakukan pembelajaran secara persendirian dengan bebas dan mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembelajaran yang diikuti. Model pembelajaran ‘Branching’ yang dikemukakan di sini akan memberi peluang belajar mengikut kadar sendiri berdasarkan


kebolehan masing-masing. Pembelajaran dengan menggunakan MPK adalah terancang dan sistematis. Pelajar tahu apa yang perlu dipelajari menerusi Objektif Pembelajaran dan Hasil Pembelajaran yang disediakan. Soalan-soalan yang disediakan dapat menguji dan memberi penilaian yang segera supaya pelajar dapat bertindak untuk mengesan kelemahan serta kesilapan diri dan seterusnya mengatasinya. Diharapkan MPK ini akan digunakan dan memanfaatkan pelajar dengan sebaiknya.

PANDUAN PENGGUNA

Untuk mencapai objektif pembelajaran modul ini, anda dinasihatkan supaya mematuhi langkah-langkah berikut:

1. Mengambil Ujian-Pra (*Pre-Test*) yang terkandung pada awal modul dan mengikuti semua arahan yang diberi.
 - a) Jika anda berjaya menjawab dengan betul kesemua soalan, tahniah. Anda telah menguasai pengetahuan mengenai nilai Semangat Bermasyarakat.
 - b) Jika anda menjawab dengan markah di bawah 80%, anda dikehendaki melakukan langkah-langkah di bawah.
2. Sila baca secara menyeluruh semua bahan pembelajaran yang terkandung di dalam modul ini. Fahami isi-isi yang dibincangkan.
3. Cuba jawab semua soalan yang dikemukakan. Pilihlah jawapan yang paling sesuai, kemudian lihat kepada muka surat yang nombornya tertulis di sebelah jawapan pilihan anda. Periksa jawapan anda dengan jawapan yang telah disediakan.
4. Anda perlu membaca bahan bacaan, memerhatikan carta dan gambar dalam modul ini dengan teliti kerana soalan-soalan adalah berkenaan dengan semua ini.
5. Di akhir MPK ini, anda dikehendaki menjawab semua soalan dalam Ujian-Pasca (*Post-Test*) untuk menentukan pencapaian anda.

PERINGATAN: *Sila mengikuti arahan-arahan yang diberi.*



Modul Pengajaran Kendiri Pendidikan Moral Tingkatan Empat ini bertujuan untuk membolehkan pelajar mendalami Pendidikan Moral amnya dan nilai-nilai Semangat Bermasyarakat khasnya dengan mengenalpasti apakah ciri-ciri setiap nilai dan amalannya demi untuk membentuk manusia yang berperibadi mulia melalui pemupukan, penghayatan dan amalan-amalan murni masyarakat.

Objektif


Objektif modul ini pelajar dapat :


1. Mengetahui apa itu nilai Semangat Bermasyarakat dan ciri-cirinya.
2. Memahami konsep nilai bermuafakat, kejiranan dan peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat.
3. Dapat membezakan amalan-amalan yang menunjukkan nilai bermuafakat, kejiranan dan peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat.
4. Menyedari, memahami dan menghayati norma dan nilai Semangat Bermasyarakat iaitu kesediaan melakukan sesuatu dengan semangat kekitaan untuk kepentingan bersama bagi mewujudkan keharmonian hidup dalam masyarakat.
5. Memberi sebab-sebab yang munasabah berdasarkan pertimbangan moral dalam nilai- nilai Semangat Bermasyarakat.

Objektif Pembelajaran

Di akhir pembelajaran modul :

1. Berdasarkan amalan yang diberi, pelajar dapat memilih amalan yang menunjukkan nilai Semangat Bermasyarakat dan nilai-nilai bermuafakat, kejiraninan dan peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat.
2. Dengan meneliti situasi yang diberi, pelajar dapat mentafsir nilai Semangat Bermasyarakat yang diaplikasikan di dalam situasi tersebut dan memberi huraiyan menyokong pendirian tersebut.
3. Merujuk kepada situasi yang diberi, pelajar dapat memberi tindakan wajar yang patut dilakukan dan penjelasan ringkas untuk menyokong tindakan yang dicadangkan itu.
4. Berdasarkan tindakan yang diberi, pelajar dapat mengenalpasti nilai- nilai yang sesuai.
5. Merujuk kepada isu yang diberi, pelajar dapat menyatakan pendirian mereka dan memberi huraiyan menyokong pendirian tersebut.





Bergotong Royong



Semangat bergotong-royong yang diamalkan oleh pelajar-pelajar ini adakah menunjukkan nilai Semangat Bermasyarakat?

Untuk menjawab soalan ini, sila ikuti modul seterusnya untuk memastikan ciri-ciri nilai Semangat Bermasyarakat.



Selamat Mencuba!!



Pelajaran 1

semangat bermasyarakat

DEFINASI


Semangat Bermasyarakat ialah **kesediaan** melakukan sesuatu untuk **kepentingan bersama** bagi mewujudkan keharmonian hidup dalam masyarakat.

PENERANGAN

Semangat Bermasyarakat ialah kesediaan atau kemauhan seseorang bergaul dan **mengamalkan** semangat kekitaan, tolak ansur, dan kasih sayang untuk kebaikan bersama ahli-ahli yang hidup dalam satu masyarakat.

Semangat bermasyarakat termasuk menghormati cara dan peraturan yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat dan mengutamakan perhubungan, kerjasama, dan muafakat dalam sebuah masyarakat untuk kesejahteraan dan keharmonian.

Ciri-ciri Semangat bermasyarakat:



Uji Minda 1 - Semangat Bermasyarakat

Sila baca pernyataan di bawah dan jawab soalan seterusnya.

- Bekerjasama melakukan tugas
- Menjalin hubungan mesra dengan semua ahli masyarakat

Soalan :

Pernyataan di atas adakah merujuk kepada nilai semangat Bermasyarakat?

- A. Ya (Sila lihat m.s. 4)
- B. Tidak (Sila lihat m.s. 5)

TAHNIAH

Adakah anda menjawab ‘ YA ’ . **Tepat sekali .**

Pernyataan di atas jelas menunjukkan nilai semangat bermasyarakat kerana ia menunjukkan kesediaan melakukan sesuatu dengan semangat kekitaan untuk kepentingan bersama bagi mewujudkan keharmonian hidup dalam masyarakat.

Teruskan Dengan Pelajaran Dua

(ms. 6)



Adakah anda menjawab ‘Tidak’. Jawapannya tidak tepat.

Pernyataan di atas jelas mengambarkan nilai semangat bermasyarakat kerana kedua-duanya bertepatan dengan definisi nilai semangat bermasyarakat :

- **kesediaan melakukan sesuatu dengan semangat kekitaan untuk kepentingan bersama bagi mewujudkan keharmonian hidup dalam masyarakat.**

Teruskan Dengan Pelajaran Dua





Pelajaran Dua

Bermuafakat

DEFINASI :

Mengutamakan **persetujuan** dan **kerjasama** dalam menjalankan sesuatu pekerjaan bagi kepentingan bersama.

PENERANGAN

Bermuafakat ialah **kesediaan** seseorang untuk **berunding** atau **berbincang** untuk **mencapai satu persetujuan** tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan **kepentingan bersama**.

Anggota masyarakat harus mengutamakan kepentingan bersama dan peka kepada kehendak ahli-ahli komuniti.

Setiap ahli perlu menjaga pertuturan, perbuatan dan tingkah laku terutamanya apabila diadakan perjumpaan, perbincangan dan rundingan.

Ciri-ciri orang yang mengamalkan nilai bermuafakat adalah:

Lebih mengutamakan **kepentingan dan kebaikan** bersama.

Bekerjasama dan berganding bahu menyelesaikan masalah dalam masyarakat dengan mengadakan perjumpaan, perbincangan dan rundingan sebelum membuat sesuatu ketetapan tentang perkara tersebut.

Melakukan **pembahagian tugas** kepada setiap ahli untuk memastikan projek tersebut berjaya dan berjalan lancar.

Sentiasa **berfikiran terbuka** dan **menghormati** pendapat orang lain serta menyedari faedah yang diperoleh dengan cara bermuafakat.

Bersedia **berkongsi pengetahuan, pengalaman** dengan anggota masyarakat yang lain, dan **mementingkan pandangan umum** tentang sesuatu hal untuk kebaikan bersama.

Contoh- contoh amalan sikap bermuafakat


1. Mengadakan ceramah, forum, dan seminar untuk membicarakan masalah sosial seperti AIDS, penyalahgunaan dadah, gadis lari dari rumah, bohsia dan sebagainya.
2. Mengadakan perjumpaan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sesuatu komuniti dan tidak mengambil tindakan terburu-buru yang boleh mengusutkan keadaan.
3. Memberi peluang kepada semua ahli masyarakat mengemukakan pendapat dalam mesyuarat tentang sesuatu masalah yang timbul.

- Melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela dan gotong-royong seperti membaiki jalan, membersihkan surau, membina jambatan, dan sebagainya yang membawa kebaikan bersama.



Kaum Hindu bergotong-royong membersihkan kawasan beribadat mereka (Batu Cave) untuk kepentingan bersama.

- Tidak menyimpan dendam atau iri hati terhadap anggota masyarakat yang telah berjaya dalam kehidupan.
- Setelah pendapat semua penduduk didengar dan dipertimbangkan, penduduk Kampung Kenari bersetuju menubuhkan suatu Jawatankuasa Rukun Tetangga untuk membasmi gejala kecurian yang berleluasa di kampung mereka



Uji Minda 1 - Bermuafakat

Sila Jawab soalan-soalan berikut :

Arahan: Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

1. Mendapatkan persetujuan sebelum mengambil tindakan ()
2. Mudah bertolak ansur apabila menghadapi masalah ()
3. Mempertahankan pendapat walaupun telah dibuktikan kurang benar ()
4. Tidak suka menghadiri aktiviti-aktiviti kemasyarakatan ()
5. Tidak mementingkan diri sendiri terutama apabila diminta menghulurkan bantuan ()
6. Sentiasa bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu tugas. ()
7. Lebih suka menyiapkan kerja sendiri kerana tidak mahu diganggu. ()
8. Sanggup berkongsi pengetahuan dan pengalaman untuk menjayakan tugas. ()
9. Mengadakan mesyuarat untuk membanteras kejadian pecah rumah. ()
10. Tidak mahu menerima buah fikiran atau nasihat daripada orang laian. ()

Jawapan Uji Minda 1 - Bermuafakat

1. /
2. /
3. X
4. X
5. /
6. /
7. X
8. /
9. /
10. X

Sekiranya anda mendapat lebih dari 9 markah,
teruskan dengan soalan 2 (m.s. 14)

Sekiranya anda mendapat 9 atau kurang markah,
teruskan dengan pelajaran 2.1 hingga 2.2
(m.s 11- 13)

Pelajaran 2.1



Kampung Muhibah diancam kejadian kecurian. Penduduk Kampung Muhibah bermesyuarat dan membuat keputusan untuk membuat rondaan mengikut giliran. Mereka berjaya menangkap tiga orang pencuri tersebut.

Penduduk Kampung Muhibah mempunyai nilai bermuafakat.

KENAPA?

Mengutamakan persetujuan dan kerjasama dalam menjalankan sesuatu pekerjaan bagi kepentingan bersama.

DISIMPING ITU

Bersedia untuk berunding atau berbincang untuk mencapai satu persetujuan tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan kepentingan bersama.

Pelajaran 2.2

Definasi Bermuafakat

Bermuafakat adalah **sentiasa mengutamakan persetujuan dan bekerjasama** dalam menjalankan sesuatu pekerjaan bagi **kepentingan bersama**.

GLOSARI KATA KUNCI

Persetujuan = pernyataan bersetuju / pengesahan

Bekerjasama = bekerja bersama-sama dan tolong-menolong

Kepentingan bersama = keperluan / sesuatu yang penting untuk semua

Contoh - contoh Amalan Bermuafakat

Bermuafakat! Bermuafakat! Bermuafakat! Bermuafakat!



Bergotong royong membersihkan kampung pada hari minggu. Ini menunjukkan kita sentiasa mengutamakan persetujuan dan bekerjasama dalam menjalankan sesuatu pekerjaan demi kepentingan bersama.



Penduduk kampung telah berunding bersama-sama dan mengambil keputusan untuk mengadakan Hari Keluarga untuk mengeratkan persahabatan mereka.

Uji Minda 2 - Bermuafakat

Soalan uji minda 2 berdasarkan pernyataan di bawah:

Walaupun sibuk, Encik Daud sentiasa prihatin dengan hal-hal di kampungnya. Dia akan hadir pada setiap kali diadakan mesyuarat kampung.

Encik Daud merupakan seorang ahli masyarakat yang mengamalkan nilai bermuafakat kerana

- A. Menyedari perjumpaan, perbincangan dan rundingan di antara satu sama lain adalah perlu untuk kepentingan bersama. (sila ke m.s.15)
- B. Berusaha mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan masyarakat.(sila ke m.s. 16)

Sila ke muka surat yang diarahkan mengikut pilihan jawapan anda !!



Adakah anda menjawab ‘A’ ? Jawapan anda adalah tepat kerana perjumpaan, perbincangan dan rundingan di antara satu sama lain demi untuk kepentingan bersama adalah nilai bermuafakat kerana ia menunjukkan sentiasa mengutamakan persetujuan dan kerjasama.



(Sila teruskan Pelajaran 3)
m.s. 17



Adakah anda menjawab ‘ B’ ? Jawapan anda kurang tepat kerana berusaha mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan masyarakat adalah lebih menunjukkan nilai peka kepada isu- isu dalam masyarakat.

(Sila ikuti pelajaran 2.1 - 2.2) **m.s. 11 - 13**

Pelajaran 3



Kejiranan

Apa itu Kejiranan ?

- ❖ Kejiranan bermaksud hidup **berbaik-baik, bertolak ansur, tolong-menolong dan bekerjasama** dengan jiran tetangga.
- ❖ Jiran ialah orang yang tinggal paling hampir dengan rumah kita.
- ❖ Kita hendaklah sentiasa berbaik-baik dengan jiran tetangga kerana mereka merupakan orang yang paling hampir untuk memberi bantuan.
- ❖ Amalan semangat kejiranan akan mewujudkan masyarakat yang saling mengambil berat antara satu dengan lain.
- ❖ Orang yang mengamalkan semangat kejiranan akan sentiasa memastikan **hubungan mesra** dengan jiran tetangga.
- ❖ Di samping itu , negara akan **aman** dan **harmoni** apabila masyarakat sentiasa **bertegur sapa** dengan jiran.
- ❖ Mereka sentiasa **menjaga hak** dan **kepentingan** orang lain serta memeliha **kepentingan** orang lain serta **memeliha kepentingan** sendiri.

Ciri – Ciri nilai Kejiraninan

- Sentiasa **bertegur sapa** dengan jiran tanpa mengira kaum, keturunan dan darjah dan lebih mengutamakan kebaikan bersama.
- Bersedia **membantu** jiran apabila mereka dalam kesusahan atau semasa mereka memerlukan bantuan.
- Sentiasa **mengamalkan** nilai tolak ansur, hormat-menghormati, saling faham-memahami, keadilan dan hemah tinggi sesama jiran.
- Peramah dan tidak sompong dengan jiran-jiran.
- Sentiasa mengambil berat keperluan, kebajikan dan keselamatan jiran-jirannya.
- Menghormati dan memahami perbezaan agama dan kebudayaan dengan jiran-jiran.

Contoh-contoh amalan nilai kejiranan

Bukan begitu...



Apabila jiran di sebelah menghadapi masalah, Puan Lily meminta suaminya leraikan atau menghubungi pihak polis. Tetapi Encik Anthony tidak menghendaknya. Ini menunjukkan Encik Anthony tidak mempunyai nilai kejiranan kerana tidak menolong jirannya. Kalau ada nilai kejiranan mereka sepatutnya begini.....

Sepatutnya begini...



Uji Minda 1 - Kejiraninan

Nyatakan sama ada Ya atau Tidak bagi

perlakuan yang mempunyai nilai kejiranan.

1. Encik Samy tidak mempedulikan usaha jiran-jirannya yang hendak membina rumah baru untuk keluarga Ah Tan bagi menggantikan rumahnya yang telah dipukul ribut.
2. Puan Mariam menyiram pokok-pokok bunga jirannya yang pulang ke kampung.
3. Kamal, Azlan dan Sharif yang tinggal di rumah bujang tidak membuat bising yang boleh mengganggu ketenteraman jiran-jiran yang lain.
4. Setiap kali menjelang bulan puasa, Mak Cik Tom tidak pernah menghantar juadah berbuka puasa kepada Mak Cik Yah walaupun tinggal di sebelah rumah.
5. Ramesh membatalkan majlis hari jadinya itu setelah mendapat tahu anak jirannya meninggal dunia.
6. Anita dan Sarmita mengunjungi rumah jirannya pada Tahun Baru Cina.
7. Walaupun Puan Tai tiba awal, dia tidak memberi peluang kepada nenek Rani untuk menadah air di tangki lori.
8. Mei Ling menolak permintaan Mak Cik Soo untuk menjaga anaknya sekejap dengan alasan dia hendak menyiapkan kerja sekolahnya.
9. Thivagar memperlahankan radio apabila melihat adik jirannya sedang mengulangkaji pelajaran.
10. Betsy membiarkan sahaja anak jirannya yang sedang menangis ketakutan kerana dikejar anjing terbiar

Sila semak jawapan anda di muka surat seterusnya.

Jawapan Uji Minda 1 – Kejiranran

1. Tidak
2. Ya
3. Ya
4. Tidak
5. Ya
6. Ya
7. Tidak
8. Tidak
9. Ya
10. Tidak

Sekiranya anda mendapat lebih dari 9 markah, teruskan dengan Uji Minda 2 – Kejiranran (m.s. 24)

Sekiranya anda mendapat 9 atau kurang markah, teruskan dengan pelajaran 3.1 hingga 3.2 (m.s.22- 23)

Pelajaran 3.1

Apa itu Kejiranan?

Jiran = Orang yang tinggal berhampiran dengan rumah sendiri

Kejiranan =
Hidup berbaik-baik, bertolak ansur,
tolong-menolong, dan bekerjasama dengan jiran
tetangga

Ciri- ciri yang ada pada orang yang mempunyai nilai kejiranan :

- Ketika jiran kita tidak ada di rumah kita mestilah menjaga rumah mereka supaya berada dalam keadaan selamat.
- Tidak membuat bising sehingga menganggu jiran kita untuk berehat
- Saling menghormati dan bergaul-mesra dengan jiran
- Saling mengunjungi dan membantu jiran yang susah

Pelajaran 3.2

Amalan nilai Kejiranan




Jiran Encik Zulkifli berpindah. Mereka terpaksa memunggah barang yang banyak ke lori. Apabila Encik Zulkifli melihat keadaan ini, beliau terus membantu mereka mengangkat barang-barang tersebut untuk dimasukkan ke dalam lori.

ENCIK ZULKIFLI MEMPUNYAI NILAI KEJIRANAN KERANA.....

Beliau mempunyai sikap bekerjasama dan tolong-menolong

Uji Minda 2- Kejiranan



Soalan :

Apakah faedah daripada tindakan Puan Sadhna itu?

- A. Masyarakat menjadi maju (sila ke m.s. 25)
- B. Tidak berlaku percaduhan dengan jiran (sila ke m.s.26)
- C. Harmonis dengan jiran (sila ke m.s. 27)
- D. Mempunyai ramai jiran (sila ke m.s. 28)

Sila ke muka surat yang dinyatakan mengikut pilihan jawapan anda!

Adakah anda menjawab ‘ A ’ ? Jawapan anda adalah kurang tepat kerana masyarakat menjadi maju bukan kesan semerta daripada sifat kejiranan. Ia mempunyai pelbagai faktor lain untuk mencapainya.



(Sila ke muka surat 22 untuk mengikuti pelajaran dari 3.1.)

Adakah anda menjawab ‘B’ ? Jawapan anda adalah kurang tepat kerana ia tanpa bertegur sapa pun tidak akan berlaku percaduhan dan ini bukan kesan penting dari semangat kejiranan.



(Sila ke muka surat 22 untuk mengikuti pelajaran dari 3.1.)

Syabas

Adakah anda menjawab ‘ C ’ ? Jawapan anda adalah betul kerana berbaik dengan jiran, bertolak ansur dan saling membantu akan mewujudkan keharmonian di kalangan jiran.

(Sila teruskan dengan pelajaran 4 di M.S. 29)

Adakah anda menjawab ‘D’ ? Jawapan anda adalah kurang tepat kerana mempunyai ramai jiran tidak menunjukkan hubungan yang wujud di antara mereka. Ramai jiran bukan berdasarkan kepada sikap tetapi struktur perumahan tersebut.



(Sila ikuti dari pelajaran 3.1 – m.s. 22)



Pelajaran 4

Peka terhadap Isu-isu Sosial dalam masyarakat

Puan Soong sentiasa menyedari masalah yang berlaku di sekelilingnya dan berusaha mencari penyelesaian.

Adakah Puan Soong seorang yang peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat?

Untuk menjawab soalan ini kita ikuti pelajaran seterusnya.

Definasi Nilai

Apa itu peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat?

Definisi istilah

Peka – mudah berasa sesuatu

Isu-isu sosial = segala hal atau persoalan yang berkaitan dengan masyarakat

Peka terhadap isu-su sosial dalam masyarakat bermaksud menyedari apa yang berlaku dalam masyarakat, mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaiannya.

Kata Kunci

 Menyedari

 Mengambil berat

 Berusaha mencari penyelesaian

PENERANGAN

Kita mestilah **mengetahui, mengambil berat, peka, dan prihatin** terhadap sebarang masalah yang melanda masyarakat.

Orang yang peka kepada isu-isu sosial dalam masyarakat akan **disenangi** dan **dikenali** kerana mereka sentiasa ada bersama untuk menyelesaikan apa-apa masalah.

Ciri-ciri Nilai Peka Kepada Isu-isu Sosial Dalam Masyarakat

- Sentiasa mengambil berat dan bekerjasama mengatasi masalah yang timbul dalam masyarakat.
- Sanggup meluangkan masa untuk berbincang dengan anggota masyarakat yang lain untuk mengatasi sesuatu masalah.

- Peka pada sesuatu isu yang timbul dalam masyarakat dan sanggup menyumbangkan tenaga dan masa untuk mengatasi masalah tersebut




- Lebih mengutamakan **kesejahteraan** dan **keselesaan** untuk hidup bersama-sama.
- Sentiasa melibatkan diri dalam kegiatan yang berfaedah dan kegiatan untuk keselamatan bersama seperti Askar Wataniah, Rukun tetangga dan Rela.
- Melibatkan diri dalam segala kegiatan yang mendatangkan kebaikan bersama.

Contoh-contoh amalan sikap peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat

- ◆ Selalu membaca surat khabar, majalah, menonton televisyen, dan mendengar radio untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu perkara yang berlaku dalam masyarakat.
- ◆ Berusaha mencari penyelesaian serta berbincang untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan masyarakat seperti masalah penagih dadah, remaja lari dari rumah, penderaan kanak-kanak, pendatang tanpa izin, masalah jenayah dan sebagainya.

- ◆ Bersama dengan kerajaan dan semua golongan masyarakat untuk mengatasi masalah secara bersama dan sukarela



Jiran Selva terlibat dalam sindiket menyorok barang terkawal seperti gula, beras dan minyak. Barang-barang itu disimpan di belakang rumahnya. Selva yang menyedari hal ini telah melaporkannya kepada polis



Selva adalah seorang yang peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat kerana dia menyedari tentang masalah yang berlaku di sebelah rumahnya; mengambil berat tentang masalah tersebut dan seterusnya berusaha mencari penyelesaian kepadanya demi kebaikan bersama.

Uji Minda 1 – Peka Terhadap Isu-isu Sosial Dalam Masyarakat

Padangkan pernyataan-pernyataan yang sesuai dengan nilai peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat

Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat

- 1 Mengambil tahu tentang isu-isu dalam masyarakat.
- 2 Membantu membanteras kejadian penagihan dadah di kawasan perumahan.
- 3 Tidak suka menghadiri kenduri di rumah jiran.
- 4 Menyertai aktiviti mendirikan balai raya di kampung.
- 5 Menutup pintu apabila penduduk setempat menjemput ke rumah
- 6 Selalu menimbulkan masalah dan merosakkan harta awam.
- 7 Mengikut ceramah-ceramah yang diadakan oleh persatuan penduduk.
- 8 Jarang memberi kerjasama apabila diminta.
- 9 Menjadi ahli rukun tetangga untuk menjaga keselamatan kampung.
- 10 Berbincang dengan rakan mengenai isu-isu sosial dalam masyarakat

Sila semak jawapan anda di muka seterusnya.

Jawapan Uji Minda 1- Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat

Pernyataan yang sesuai dengan nilai peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat

1 , 2 , 4 , 7 , 9 , 10

Pernyataan yang tidak sesuai dengan nilai peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat.

3 , 5 , 6 , 8

Sekiranya anda mendapat lebih dari 9 markah, teruskan dengan Uji Minda 2 – Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat di muka surat 37.

Sekiranya anda mendapat 9 atau kurang markah, teruskan dengan pelajaran 4.1 – 4.2 di muka surat 35 - 36.

Pelajaran 4.1

Apa itu peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat?

- Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat adalah **sentiasa menyedari, mengambil berat, dan berusaha** mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan masyarakat demi kebaikan bersama.

Contoh-contoh Amalan Nilai Peka Terhadap Isu-isu sosial dalam Masyarakat


- ▶ Menyertai gotong-royong, membersihkan kawasan perumahan
- ▶ Sentiasa mengikuti perkembangan semasa melalui pembacaan, mendengar radio dan menonton televisyen.
- ▶ Membantu membanteras kejadian pembuangan sisa-sisa kilang yang semakin berleluasa



- ▶ Mengikut kempen-kempen untuk kepentingan masyarakat.
- ▶ Berbincang dengan rakan mengenai isu-isu sosial dalam masyarakat.

Pelajaran 4.2

Sila teliti gambar di bawah. Adakah Encik Surendran peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat?



Encik Surendran mempunyai sikap peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat. Ini adalah kerana.....

- Encik Surendran mengetahui bahawa sebuah kilang di kampungnya membuang sisa-sisa toksik ke dalam sungai di kampungnya. Sungai tersebut digunakan untuk mandi dan mencuci barang oleh penduduk kampung tersebut. Encik Surendran tidak mahu penduduk kampungnya diancam dan hidupan laut itu mati. Oleh itu beliau telah melapor kan kejadian tersebut kepada pihak berkuasa.
- Encik Surendran sebagai seorang penduduk kampung itu menyedari masalah yang berlaku di sekililingnya dan berusaha mencari penyelesaian kepadanya. Sikap ini membuktikan bahawa beliau adalah seorang yang mempunyai nilai peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat.

Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat

- Sentiasa menyedari
- Mengambil berat
- Berusaha mencari penyelesaian

Uji Minda 2-Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat

Apakah yang dimaksudkan dengan peka kepada isu-isu sosial dalam masyarakat?

Jika anda memilih

- A. Sentiasa menyedari, mengambil berat, dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaian masalah yang berkaitan dengan masyarakat.
(Sila ke m.s.38).
- B. Peka terhadap masalah yang tidak dapat diselesaikan.
(Sila ke m.s. 39).
- C. Menimbulkan masalah-masalah sosial untuk dibincangkan bersama-sama.(Sila ke m.s.40).
- D. Prihatin terhadap masyarakat yang menghadapi pelbagai masalah.
(Sila ke m.s.41)

Terus ke muka surat mengikut pilihan jawapan anda.



Adakah anda menjawab ‘A’ - Sentiasa menyedari, mengambil berat, dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaian masalah yang berkaitan dengan masyarakat’. Jawapan anda tepat sekali kerana rangkaikata **sentiasa menyedari, mengambil berat** dan **berusaha mencarai jalan penyelesaian** merupakan kata kunci untuk nilai ini dan ia menunjukkan nilai peka kepada isu-isu sosial.

**Teruskan ke Pelajaran Lima
(M.S. 42)**



Adakah anda menjawab ‘B- Peka terhadap masalah yang tidak dapat diselesaikan’. Jawapan ini adalah tidak tepat. Sikap ini menunjukkan hanya peka kepada masalah yang tidak dapat diselesaikan dan ia juga tidak pasti masalah berkaitan apa.

Teruskan ke Pelajaran 4.1 –4.2 (M.S. 35)

Adakah anda menjawab ‘C’. ‘Menimbulkan masalah-masalah sosial untuk dibincangkan bersama-sama’. Jawapan anda tidak tepat . Orang yang peka terhadap isu-isu sosial tidak akan menimbulkan masalah tetapi berusaha mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang wujud.



Teruskan dengan Pelajaran 4.1 – 4.2
(M.S. 35)

Adakah anda menjawab ‘C’. ‘Menimbulkan masalah-masalah sosial untuk dibincangkan bersama-sama’. Jawapan anda tidak tepat . Orang yang peka terhadap isu-isu sosial tidak akan menimbulkan masalah tetapi berusaha mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang wujud.



Teruskan dengan Pelajaran 4.1 – 4.2
(M.S. 35)

Adakah anda menjawab ‘D – ‘ Prihatin terhadap masyarakat yang menghadapi pelbagai masalah ’. Jawapan anda adalah tidak tepat kerana prihatin terhadap masalah masyarakat adalah terlalu umum dan ia tidak memfokuskan kepada masalah sosial.

**Teruskan dengan Pelajaran
4.1 – 4.2 (M.S.35)**



PEBAKUAN 7



Latih Tubi Nilai Semangat Bermasyarakat

Sebelum menjawab soalan-soalan latih tubi, sila mengetahui cara menjawab soalan berbentuk struktur untuk mendapat markah penuh

Sampel Soalan SPM

Kejadian pecah rumah di Taman Tasik Puteri semakin menjadi-jadi. Hal ini berlaku kerana sebahagian daripada warga taman itu tidak mengenali dan bertegur sapa dengan tetangga mereka. Cadangan yang diusulkan oleh sebilangan kecil warga taman itu supaya mereka membuat rondaan secara bergilir-gilir pada waktu malam tidak dipersempit oleh sebahagian besar daripada mereka dengan pelbagai alasan tertentu. Walau bagaimanapun, bagi menyelesaikan masalah ini, segelintir warga taman itu telah mengambil inisiatif daripada kejadian tersebut.

- Dengan berdasarkan situasi tersebut, huraikan **dua** sikap sebahagian besar warga Taman Tasik Puteri sehingga menyebabkan kejadian pecah rumah menjadi-jadi di situ. (6 markah)
- Jelaskan sikap yang ditunjukkan oleh segelintir warga Taman itu yang meneruskan juga cadangan membuat rondaan secara bergilir-gilir.

Skima Jawapan

Pembahagian Markah

SOALAN (A)

Nilai (i) = 1 markah
 Huraian = 1 markah + 1 markah
 Nilai (ii) = 1 markah
 Huraian = 1 markah + 1 markah

SOALAN (B)

Nilai (i) = 1 markah
 Huraian = 1 markah
 Nilai (ii) = 1 markah
 Huraian = 1 markah

Analisis Jawapan

- a. (i) **Tidak mengamalkan nilai kejiranan**
Huraian – tidak kenal dan bertegur sapa dengan jiran
- (ii) **Tidak mengamalkan nilai bermuafakat**
Huraian – tidak sepakat dalam mengatasi masalah

- b. (i) **Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat**
Huraian – ambil berat akan masalah yang didepani
- (ii) **Tanggungjawab bersama**
Huraian – berusaha membendung masalah

Sampel Jawapan SPM

i. Sebahagian besar warga Tasik Puteri **tidak mengamalkan nilai kejiranan**. Mereka tidak mengamalkan **hidup berbaik-baik dan bekerjasama** dengan jiran mereka. Sebaliknya sebahagian besar daripada mereka tidak bertegur sapa malah tidak kenal akan jiran mereka. Sebagai akibatnya, kejadian pecah rumah berleluasa di taman itu

Selain itu warga Tasik Puteri **tidak mengamalkan nilai bermuafakat**. Mereka **tidak mengutamakan kerjasama dan tidak mencapai kata sepakat** untuk menanganai masalah yang sedang dihadapi. Dalam hal ini, sebahagian besar warga taman itu memberikan pelbagai alasan apabila diminta membuat rondaan secara bergilir-gilir bagi mengatasi kejadian pecah rumah yang sedang berleluasa.

(b) Mereka mengamalkan **nilai peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat**. Mereka **menyedari, mengambil berat, dan berusaha mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi**, iaitu dengan mencadangkan supaya diadakan rondaan secara bergilir-gilir bagi mengatasi masalah kejadian pecah rumah.

Di samping itu, mereka mengamalkan **nilai tanggungjawab bersama**. Mereka bersedia meneruskan hasrat membuat rondaan secara bergilir-gilir untuk membendung kejadian pecah rumah di taman mereka kerana **sedar bahawa tindakan itu merupakan tanggung jawab yang harus dipikul bersama-sama**.

INGAT – Setiap nilai perlu diberi huraian untuk menyokongnya



Untuk soalan 1 hingga 4, padangkan nilai A, B, C, D dengan pernyataan di bawahnya.

- A. bermuafakat
- B. kejiranan
- C. peka terhadap isu-isu dalam masyarakat

	Nilai
1.Ravi sentiasa menziarahi jirannya terutama ketika jirannya sedang sakit.	
2.Kassim sering mengutamakan persetujuan ramai sewaktu mempengerusikan mesyuarat demi kebaikan bersama	
3.Ah Leng sentiasa bersedia memberikan sumbangan dalam menyelesaikan masalah yang wujud di kalangan masyarakat di kampungnya	
4.Danny sentiasa mengambil berat dan bekerjasama dalam mengatasi masalah yang berlaku di tempat tinggalnya	

Sila semak jawapan anda di muka surat berikutnya.

Jawapan Soalan 1

1. B – kejiranan – Kerana sikap berbaik-baik dan tolong-menolong sesama jiran.
2. A – bermuafakat - kerana sentiasa mengutamakan persetujuan demi kebaikan bersama
3. C - Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat – kerana menyedari, mengambil berat dan berusaha mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah-masalah yang berkaitan masyarakat demi kepentingan bersama.
4. C – Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat – kerana mengambil berat dan prihatin terhadap masalah yang melanda masyarakat.

Jika anda dapat menjawab semua soalan dengan betul. Tahniah. Teruskan dengan soalan 2.

Jika anda dapat menjawab kurang dari 3 soalan dengan tepat, Sila membuat ulangkaji dengan nilai yang tidak tepat dan teruskan dengan soalan 2.

Tentukan sama ada pernyataan di bawah betul atau salah.
Tandakan (/) pada jawapan yang betul dan (X) pada jawapan yang salah.

- a) Matlamat utama nilai muafakat ialah mewujudkan
- ii. pergaulan dan perhubungan sesama anggota masyarakat di sesebuah kawasan perumahan
 - ii. persetujuan dan persefahaman tentang sesuatu hal demi kepentingan bersama.
- b) Ciri-ciri penting nilai kejiranan ialah
- i. berbaik-baik, bertolak ansur, dan bantu-membantu sesama jiran tanpa mengira kaum.
 - ii. membantu dan menghormati jiran tanpa mengharapkan pujian dan sanjungan.
- c) Persefahaman dengan jiran dapat diwujudkan dengan
- i. sentiasa memberi pandangan yang tinggi terhadap jiran.
 - ii. menghormati dan bertolak ansur terhadap jiran

Sila semak jawapan anda di muka surat berikutnya

Jawapan Soalan 2

a. i. X ii. /

- Matlamat utama nilai muafakat ialah sentiasa mengutamakan persetujuan dan bekerjasama dalam menjalankan sesuatu pekerjaan bagi kepentingan bersama.

Jawapan juga boleh dikenalpasti melalui kata kunci : persetujuan, kepentingan bersama

b. i. / ii. /

kedua-duanya merupakan ciri-ciri kejiranan kerana ia dapat menunjukkan sikap mengambil berat sesama jiran

c. i. X ii. /

Sentiasa memberi pandangan tinggi terhadap jiran bukannya cara yang baik untuk mewujudkan persefahaman kerana pandangan terpulang kepada tingkah laku seseorang.

Manakala menghormati dan bertolak ansur terhadap jiran dapat mewujudkan persefahaman.

Jika anda mendapat semua betul, tahniah. Teruskan dengan latihan kedua. Tetapi jika sebaliknya anda boleh mengikut pelajaran mengikut nilai yang mendapat salah dan sila mencuba dengan soalan seterusnya.

Soalan 3

Baca petikan di bawah . kemudian jawab soalan-soalan berikut pada ruangan yang disediakan.

1. Arvind telah mengadakan ceramah tentang masalah sosial di beberapa kampung sekitar tempat tinggalnya. Ceramah ini diadakan secara sukarela.

Arvind mengamalkan nilai

- i. _____
- ii. _____

2. Puan Amelina membantu jirannya, Puan Asha menjayakan majlis kenduri anak perempuan Puan Asha. Mereka melakukan kerja-kerja secara bergotong-royong

Nilai yang ada pada Puan Amelina dan orang-orang kampung ialah:

- i. _____
- ii. _____

3. Penduduk di Kampung Damai telah berbincang dan bermuafakat mahu menyelesaikan masalah penagihan dadah yang menular di kampung mereka. Semua penduduk bersetuju mendapatkan bantuan pihak polis

Nilai yang diamalkan oleh penduduk Kampung Damai ialah

- i. _____
- ii. _____

Sila semak jawapan anda di muka surat berikutnya.

Jawapan Soalan 3

1. i. Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat KENAPA ? Arvind menyedari, mengambil berat dan berusaha mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan masyarakat melalui ceramah demi kebaikan bersama.

ii. Bermuafakat
KENAPA ? Arvind mengutamakan persetujuan penduduk dengan mengadakan ceramah untuk kebaikan bersama.

2. i. Kejiranan
KENAPA ? Puan Amelina dan orang-orang kampung menolong jirannya untuk menjayakan masjlis kenduri.

ii. Bermuafakat
KENAPA ? Puan Amelina dan orang-orang kampung bekerjasama dalam melakukan kerja-kerja secara bergotong-royong.

3. i. Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat KENAPA ? Penduduk Kampung Damai peka terhadap masalah penagihan dadah yang menular di kampung dan berusaha mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah ini demi kebaikan bersama.

ii. Bermuafakat
KENAPA ? Penduduk Kampung Damai telah berbincang untuk mendapatkan persetujuan bersama dan bekerjasama untuk menyelesaikan masalah demi kepentingan bersama.

**Adakah anda dapat memberikan dua nilai yang dikehendaki dengan tepat? Jika YA,
Syabas.**

Jika tidak diharap anda dapat memahaminya dengan penerangan yang diberikan.

Soalan 4

Encik Ng Chai Chee dan beberapa orang penduduk di Taman Seroja telah membuat rondaan untuk menjaga keselamatan tempat tinggal mereka. Encik Ng telah terlihat sekumpulan pemuda menghisap dadah dalam belukar di belakang sebuah rumah tinggal. Pemuda itu tidak membuat kacau atau mengganggu ketenteraman penduduk Taman seroja. Walau bagaimanapun, Encik Ng telah melaporkan kejadian tersebut kepada polis.

- a. Apakah pandangan anda tentang tindakan Encik Ng itu?

(1 markah)

- b. Nyatakan dua nilai yang diamalkan oleh Encik Ng dan mengapa beliau bertindak demikian?

(4 markah)

Sila semak jawapan anda di muka surat berikutnya.

Jawapan Soalan 4

a. Tindakannya wajar/ patut (1 markah)

b. Nilai

i. Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat (1m)


Penerangan

- tidak lalai dan sentiasa mengambil berat dan berusaha mengatasi masalah yang wujud dalam masyarakat **ATAU**
- menghambil berat dan berusaha mengatasi masalah yang wujud dalam masyarakat. (1 m)

ii. Kejiranan (1m)

Penerangan

- sedar tanggungjawab sebagai anggota masyarakat terhadap jiran (1m)



Soalan 3

Memandangkan kes pecah rumah di Taman Sinar semakin menjadi-jadi, Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Sinar telah mengadakan mesyuarat bersama semua penduduk di Taman Sinar bagi membincangkan masalah tersebut dan mencari jalan untuk mengatasi masalah itu.

- a. Terangkan tiga nilai yang diamalkan oleh Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Sinar.

(6 markah)

- b. Dalam mesyuarat tersebut, Encik Lim, penduduk Taman Sinar telah mencadangkan beberapa langkah yang baik untuk mengatasi masalah pecah rumah itu. Beliau juga amat mementingkan amalan kerjasama dan saling membantu di kalangan penduduk yang berdekatan. Huraikan **dua** nilai yang diamalkan oleh Encik Lim. (4 markah)

Sila semak jawapan anda di muka surat seterusnya

Jawapan Soalan 5

Nilai	M	Contoh Penerangan	M
a. Semangat bermasyarakat	1	...Kesediaan mengatasi masalah pecah rumah dengan berdasarkan semangat kekitaan demi keharmonian hidup dan kepentingan penduduk	1
Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat	1	...mengambil berat dan berusaha untuk menyelesaikan masalah pecah rumah di Taman Sinar	1
bermuafakat	1	...mengutamakan persetujuan dan kerjasama penduduk dalam membuat keputusan	1
b. Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat	1	...berusaha mengatasi masalah pecah rumah di Taman Sinar	1
Kejiranan	1	...mementingkan amalan bekerjasama dan tolong-menolong dengan jiran tetangga	1

Jika anda mendapat markah penuh, tahniah. Tetapi jika sebaliknya anda boleh mengikut pelajaran mengikut nilai yang mendapat salah dan sila mencuba dengan soalan –soalan latih tubi ini.

Sebagai langkah akhir, sila menguji diri anda dengan ujian pasca yang disediakan untuk menguji kefahaman anda mengenai nilai semangat Bermasyarakat selepas mengikuti modul ini. Selamat mencuba!!!



Ujian Pra / Pasca

Arahan :

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:
 - Bahagian A mengandungi 20 soalan objektif
 - Bahagian B mengandungi 4 soalan berstruktur
2. Anda dikehendaki menjawab semua soalan di ruang yang disediakan pada kertas soalan.
3. Semua jawapan mestilah berlandaskan nilai-nilai murni.

Bahagian A : Objektif

Pilih Jawapan yang paling tepat

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Semangat Bermasyarakat?
 - A. Bersedia mengganggu ketenteraman masyarakat.
 - B. Bersedia bertindak demi kepentingan bersama.
 - C. Bersedia menghadapi masalah yang timbul.
 - D. Bersedia berhadapan dengan karenah masyarakat.
2. Apakah peribahasa yang mencerminkan semangat muafakat dalam masyarakat?
 - A. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
 - B. Berpantang mati sebelum ajal
 - C. Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian
 - D. Menang jadi abu, kalah jadi arang
3. Yang berikut ciri-ciri semangat kejiranan **kecuali**
 - A. saling berkunjung ke rumah jiran
 - B. bergaul dengan jiran tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan
 - C. menjaga tepi kain jiran
 - D. bertolak ansur dan bekerjasama dengan jiran

4. Bagaimanakah sikap peka kepada isu-isu sosial dalam masyarakat dapat disemai dalam diri anak-anak?

- A. Menggalakkan mereka terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral
- B. Menggalakkan mereka membaca bahan-bahan bacaan, menonton televisyen dan mendengar radio
- C. Menggalakkan mereka hidup bersendirian
- D. Menggalakkan mereka merayau-rayau di sekitar ibu kota

Soalan berikut mempunyai lebih dari satu jawapan. Pilih jawapan yang paling tepat

5. Seseorang yang bersedia bermuafakat

- I. tidak akan bertolak ansur
 - II. berfikiran terbuka dan rasional
 - III. mengutamakan kepentingan bersama
 - IV. berbincang sesuatu masalah secara bersama
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

6. Pilih aspek-aspek yang terkandung dalam semangat kejiranran

- I. Hidup berbaik-baik
 - II. Bertolak-ansur
 - III Tolong-menolong
 - IV Bertegur sapa
- A. I, II da III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan IV

Bagi soalan 7 hingga 11 pilih nilai X, Y, dan Z yang paling sesuai untuk perlakuan yang diberikan.

- X Kejiranan
- Y Bermuafakat
- Z Peka terhadap isu-isu sosial

7. Anu tidak pernah membesar-besarkan perkara yang remeh yang boleh menjejaskan hubungannya dengan jirannya.

8. Mei Ling sentiasa bersedia memberikan sumbangan dalam menyelesaikan masalah yang wujud di kalangan masyarakat di kampungnya.

9. Lina sentiasa berbincang dengan rakannya tentang sesuatu masalah

10. Jenny sentiasa bertolak ansur dan berfikiran terbuka dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan sekumpulan manusia dalam masyarakatnya.

11. Danny sentiasa mengambil berat dan bekerjasama dalam mengatasi masalah yang berlaku di tempat tinggalnya.

Bagi soalan 12 hingga 15, bubuhlah tanda pada padanan yang betul dan tanda pada padanan yang salah

- | | | |
|--|---|--------------------------|
| 12. Berusaha menangani dan mengatasi masalah masyarakat | Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat | <input type="checkbox"/> |
| 13. Bekerjasama bagi mendapatkan persetujuan bersama | Kejiraninan | <input type="checkbox"/> |
| 14. Mengetepikan perbezaan bangsa dan agama dalam pergaulan dengan tetamu | Bermuafakat | <input type="checkbox"/> |
| 15. Berbaik-baik, bertolak ansur, tolong-menolong dan bekerjasama dengan tetangga. | Semangat Bermasyarakat | <input type="checkbox"/> |

Pernyataan di bawah merupakan ciri-ciri nilai semangat bermasyarakat. Pilih satu nilai yang paling sesuai dengan ciri-ciri nilai tersebut. Kemudian tulis di dalam ruang yang disediakan

16. _____ Mengutamakan kepentingan dan kebaikan bersama.
17. _____ Sentiasa mengambil berat dan bekerjasama mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam masyarakat.
18. _____ Bertegur sapa dengan jiran tanpa mengira agama dan bangsa.
19. _____ Mengambil berat keperluan dan kebajikan jiran
20. _____ Berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan anggota masyarakat yang lain.

Bahagian B : Soalan Berbentuk Struktur

1. a. Apakah nilai yang diamalkan oleh Encik Ravi apabila melihat kejadian itu?

(2 markah)

- b. Mengapa Encik Ravi bertindak melaporkan kejadian itu kepada pihak polis?

(2 markah)

- c. Jika masalah itu masih berlarutan walaupun laporan telah dibuat, apakah nilai yang patut diamalkan oleh Encik Ravi untuk menangani masalah itu?
(2 markah)

Bahagian B : Soalan Berbentuk Struktur



1. a. Apakah nilai yang diamalkan oleh Encik Ravi apabila melihat kejadian itu?

(2 markah)

- b. Mengapakah Encik Ravi bertindak melaporkan kejadian itu kepada pihak polis?

(2 markah)

- c. Jika masalah itu masih berlarutan walaupun laporan telah dibuat, apakah nilai yang patut diamalkan oleh Encik Ravi untuk menangani masalah itu?

(2 markah)

2. Encik Kok dan beberapa orang penduduk di Taman Desa telah membuat rondaan untuk menjaga keselamatan tempat tinggal mereka. Encik Kok telah terlihat sekumpulan pemuda menghisap dadah dalam belukar di belakang sebuah rumah tinggal jirannya. Pemuda itu tidak membuat kacau atau menganggu ketenteraman penduduk Taman desa. Walau bagaimanapun, Encik kok telah melaporkan kejadian tersebut kepada pihak polis.

- a. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh Encik Kok itu?

(2 markah)

- b. Nyatakan secara ringkas **satu** nilai selain daripada (a) di atas yang diamalkan oleh Encik Kok dan mengapa beliau bertindak sedemikian?

(2 markah)

3. Encik Affandi sering menegur sapa jiran-jiran yang tinggal berhampiran dengan rumahnya. Ini menyebabkan, dia sentiasa dihormati dan disegani oleh jiran-jirannya. Pada suatu hari, Encik Affandi menegur sapa Encik Kumar, jiran barunya, tetapi Encik kumar tidak memberikan apa-apa reaksi dan terus masuk ke dalam rumahnya.

- (a) Apakah nilai yang diamalkan oleh Encik Affandi yang menyebabkan dia disegani dan dihormati jiran-jirannya? (2 markah)

- (b) Andaikan anda adalah Encik Affandi, apakah tindakan yang akan anda lakukan terhadap Encik Kumar? (2 markah)

- (c) Apakah nilai yang sepatutnya diamalkan oleh Encik kumar?
(2 markah)

4. Kejadian pecah rumah dan kecurian sering berlaku di Taman Tasik Puteri. Dua hari lalu, tiga buah rumah di kawasan itu telah dimasuki pencuri. Semalam, rumah jiran Encik Musa dimasuki pencuri. Hari ini, Encik Musa pula hairan kerana kejadian itu berlaku hampir setiap hari.

- a. Nayatakan tiga tindakan yang boleh dilakukan oleh penduduk Taman Tasik Puteri untuk mengawal kejadian kecurian ini. (6 markah)

- b. Nayatakan **dua** nilai yang sepatutnya dimalkan oleh penduduk di Taman Tasik Puteri. (4 markah)

5. Sebuah pertubuhan di negara kita telah melancarkan kempen untuk menyedarkan ahli-ahlinya serta semua rakyat tentang bahayanya pil khayal(ectacy). Pertubuhan tersebut mendedahkan tentang bahayanya penggunaan pil itu kepada kesihatan pengguna dan kesannya terhadap masyarakat. Pertubuhan itu meminta rakyat Malaysia bersatu untuk membanteras pengedaran pil tersebut juga.

- a. Huraikan dua nilai yang diamalkan oleh pertubuhan tersebut.

(4 markah)

Cara mengira skor ujian pra

Bahagian A : 20 soalan x 1 markah = 20 markah

Bahagian B : 5 soalan = 30 markah

Jumlah = 50 x 2 =100 markah

Sila semak jawapan anda

Jika anda mendapat 80 markah dan ke atas, anda sebenarnya telah menguasai kemahiran Semangat Bermasyarakat dan telah mencapai Objektif modul ini. Oleh itu anda boleh tinggalkan modul ini atau mengikutinya.

Jika anda mendapat kurang dari 80 markah, anda masih lagi belum menguasai kemahiran ini dan teruskan mengikuti modul ini.

Selamat Berjaya!

Jawapan Ujian Pra

Bahagian A

1. B
2. A
3. C
4. B
5. C
6. A
7. X
8. Z
9. Y
10. Y
11. Z
12. /
13. X
14. X
15. X
16. Bermuafakat
17. Peka terhadap isu-isu soial
18. Kejiranan
19. Kejiranan
20. Bermuafakat

Bahagian B

Soalan 1

Nilai	M	Contoh penerangan	M
a.Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat.	1	Sedar dan mengambil berat serta mencari penyelesaian untuk masalah tersebut.	1
c.Bermuafakat	1	Berbincang dengan penduduk setempat untuk mendapat persetujuan dan bekerjasama untuk mengambil sesuatu tindakan.	1

- b. Supaya kumpulan remaja itu tidak terus menghidu gam setelah ditangkap dan dihantar ke pusat pemulihian (2 markah)

Soalan 2

Nilai	M	Contoh Penerangan	M
a. Peka terhadap isu-isu sozial dalam masyarakat	1	<p>tidak lalai dan sentiasa mengambil berat dan berusaha mengatasi masalah yang wujud dalam masyarakat</p> <p>@ mengambil berat dan berusaha mengatasi masalah yang wujud dalam masyarakat</p>	1
b. Kejiranan	1	Sedar tanggungjawab sebagai anggota masyarakat terhadap jiran	1

Soalan 3

Nilai	M	Contoh Penerangan	M
a. Kejiranan	1	Sentiasa bertegur sapa dengan jiran	1
c. Kejiranan	1	Mesti hidup berbaik-baik, bertolak ansur dan bekerjasama dengan jiran tetangga	1

b. Tindakan

Saya akan terus menegur Encik Kumar walaupun dia tidak memberikan apa-apa reaksi,kemungkinan dia tidak mendengar teguran saya (2 markah)

Soalan 4

Pembahagian Markah	
a. Tindakan	2
Tindakan	2
Tindakan	2
b. Nilai + Penerangan	1+1
Nilai + Penerangan	1+1

- a. i. Semua penduduk mengamalkan nilai kejiranan yang tinggi iaitu sentiasa mengawasi rumah jiran mereka terutamanya ketika mereka tidak ada di rumah. Dengan adanya pengawasan ini, rumah jiran lebih selamat dan sukar diceroboh oleh pencuri.
- ii. Penduduk di situ perlu menujuhan rukun tetangga untuk menjaga dan juga mengawasi keselamatan penduduk terutamanya pada waktu malam hari.
- iii. Setiap anggota masyarakat di situ perlu memastikan semua tingkap dan pintu dikunci sebelum meninggalkan rumah. Mereka juga harus memaklumkan perkara tersebut kepada jiran atau pihak polis sekiranya mahu pulang ke kampung untuk jangka masa yang lama.

b.

Nilai	M	Contoh Penerangan	M
i. Semangat bermasyarakat	1	Bersama-sama membantu mengawasi kawasan tempat tinggal secara sukarela supaya tidak berlaku kecurian	1
ii. Bermuafakat	1	Membincangkan masalah itu bersama dan mengutamakan persetujuan dan bekerjasama dalam menjalankan sesuatu tindakan bagi kepentingan bersama	1
iii. Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat	1	Mengambil berat dan berusaha mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan masyarakat demi kebaikan bersama.	1

Soalan 5

Nilai	M	Penerangan	M
Peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat	1	... sedar akan bahaya pil tersebut kepada kesihatan masyarakat dan berusaha mengatasinya	1
Semangat bermasyarakat	1	... sedia memerangi pengedaran pil itu berdasarkan semangat kekitaan demi kepentingan bersama	1

LAMPIRAN D :

Surat Kebenaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia

Rujukan Kami : KP(BPPDP)603/5 Jld.1(147)
Tarikh : 7 Februari 2003

Cik Chandrika Sivadasan,
A 250, Bukit Nanas,
48100 Batu Arang,
SELANGOR.

Puan,

Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

**"Penghasilan Dan Penilaian Modul
Pembelajaran Kendiri Nilai Semangat
Bermasyarakat Untuk Pendidikan
Moral Tingkatan Empat"**

telah diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang puan kemukakan ke Bahagian ini. **Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan Negeri Yang Berkenaan.** Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan kajian puan setelah selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan puan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

b/p *Jainaloh*
(Dr. Mohd. Sahandri Gani bin Hj. Hamzah)
b.p. Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k.

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Selangor.

Prof. Madya Dr. Saedah Siraj,
Pemangku Ketua,
Jabatan Kurikulum & Teknologi Pengajaran,
Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya
50603 KUALA LUMPUR.